

**LANJUTAN TEMPOH PROGRAM KHAS PENGAKUAN SUKARELA DUTI
SETEM SEHINGGA 31 DISEMBER 2026**

CYBERJAYA, 26 JUN 2026 – Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) ingin memaklumkan bahawa tempoh pelaksanaan **Program Khas Pengakuan Sukarela (PKPS) Duti Setem 2026** akan dilanjutkan selama 6 bulan mulai **1 Julai 2026** sehingga **31 Disember 2026**.

Pelanjutan tempoh ini merupakan usaha Kerajaan untuk terus menggalakkan pematuhan penyeteman secara sukarela, di samping memberi ruang kepada pembayar duti yang masih dalam proses menyesuaikan diri dengan pelaksanaan Sistem Taksir Sendiri Duti Setem (STSDS). Inisiatif ini juga dijangka dapat mengurangkan ketidakpatuhan terhadap peruntukan di bawah Akta Setem 1949 serta meningkatkan tahap pematuhan secara berterusan.

Sehubungan dengan itu, pembayar duti hendaklah memastikan proses penyeteman dan pembayaran duti setem disempurnakan dalam tempoh PKPS Duti Setem 2026 yang telah dilanjutkan, tertakluk kepada syarat-syarat berikut:

1. Dalam tempoh PKPS Duti Setem 2026, semua surat cara yang disempurnakan mulai 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2025 layak untuk dikecualikan penalti

- berdasarkan kuasa yang diperuntukkan kepada Pemungut Duti Setem di bawah subseksyen 47A(2) Akta Setem 1949;
2. Penyeteman dan bayaran duti setem hendaklah dibuat dalam tempoh 1 Januari 2026 hingga 31 Disember 2026;
 3. Tiada permohonan rayuan penalti perlu dikemukakan dan penalti akan dikecualikan secara automatik apabila duti setem dibayar;
 4. PKPS Duti Setem 2026 ini tidak terpakai bagi kes yang berunsurkan *fraud*;
 5. Semua surat cara yang disempurnakan dalam tempoh 1 Januari 2023 hingga 31 Disember 2025 dan telah disetamkan di bawah PKPS Duti Setem 2026 tidak akan diaudit. Walau bagaimanapun, PKPS Duti Setem 2026 tidak mengecualikan pembayar duti daripada diaudit ke atas surat cara lain yang tidak disetamkan di bawah PKPS Duti Setem 2026.

Pembayar duti disarankan supaya mengemukakan permohonan penyeteman serta membuat bayaran duti setem lebih awal bagi memastikan notis taksiran boleh dikeluarkan dalam tempoh PKPS dan bayaran duti setem dapat dibuat dalam tempoh yang ditetapkan.

HASiL ingin menasihatkan orang ramai mengambil peluang untuk turut serta dalam PKPS Duti Setem 2026 yang dilanjutkan selama enam (6) bulan ini. Diharapkan pelaksanaan inisiatif ini dapat menyokong kemampanan fiskal negara serta kesejahteraan rakyat secara keseluruhan.

Sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di portal rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

MEMACU EKOSISTEM
CUKAPINTAR

Dikeluarkan oleh:

Jabatan Khidmat Korporat

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 26 Jun 2026